

Aplikasi Struktur Plot Gustav Freytag Dalam PdP Karangan Naratif

Mohamad Arizal Ahmad

mohamad_arizal_ahmad@schools.gov.sg

Nur Syairah Azahari

nur_syairah_azahari@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Pei Hwa

Abstrak

Menulis karangan naratif yang bermutu merupakan satu cabaran besar bagi para pelajar. Penulisan karangan naratif yang baik perlu memenuhi beberapa aspek yang penting seperti pembinaan plot yang menarik, pewarnaan watak-watak yang dinamik, pemilihan latar yang berkesan, penggunaan bahasa dan dialog-dialog yang mampu memberi impak yang mendalam kepada pembaca. Kajian ini berfokus pada aspek pembinaan plot yang menarik. Pada dasarnya, penulisan karangan naratif bermula dengan proses pembinaan plot. Hasil kajian awal yang dijalankan mendapati para pelajar kurang berjaya membina plot yang baik. Oleh itu, pengkaji menerapkan penstrukturran plot Gustav Freytag dalam pengajaran dan pembelajaran karangan naratif untuk meningkatkan mutu penulisan para pelajar. Data yang diperolehi daripada hasil kajian dapat memperbaik mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kata Kunci: karangan naratif, pembinaan plot, Gustav Freytag, penstrukturran



PENGENALAN

Aktiviti penulisan tidak tertumpu pada produk penulisan semata-mata. Malah, ia turut memberikan penekanan setara terhadap penulisan sebagai satu proses. Sejak di peringkat menengah rendah, para pelajar di Singapura diperkenalkan kepada aktiviti menulis karangan. Para pelajar diperkenalkan kepada konsep struktur penulisan asas yang terbahagi kepada bahagian permulaan, isi dan penutup. Setiap babak dalam cerita itu mempunyai hubungan sebab-akibat seperti yang disarankan Aristotle pada abad ke-4. Sejajar dengan kurikulum yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Singapura, para pelajar dihasratkan agar mempunyai kemahiran menulis teks naratif sejak peringkat sekolah rendah. Pengajaran kemahiran menulis teks naratif akan berterusan sehingga ke peringkat sekolah menengah dan seterusnya.

PERNYATAAN MASALAH

Penulisan karangan naratif merupakan antara hasil pembelajaran Bahasa Melayu yang ditetapkan dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu di Singapura. Karangan naratif juga menjadi pilihan popular dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu di Singapura semasa peperiksaan. Secara am, para pelajar memahami bahawa penulisan karangan naratif memerlukan penulisan yang berbentuk cerita, diwarnai dengan watak-watak dan dialog. Bahkan, rata-rata pelajar juga memahami bahawa antara tuntutan penulisan karangan naratif yang baik adalah kehadiran klimaks yang jelas.

Namun, pengolahan cerita para pelajar masih lagi kurang memuaskan. Struktur dalaman karangan mereka, walaupun mempunyai bab pengenalan, klimaks dan penutup, namun masih kurang mantap. Teknik penceritaan yang digunakan para pelajar tidak menekankan aspek-aspek yang penting yang seharusnya ada dalam teknik penceritaan. Maka itu, pengkaji cuba memperbaik proses penulisan para pelajar dengan mengaplikasikan penstrukturran plot Gustav Freytag dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) karangan naratif.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. mengaplikasikan penstrukturran plot Gustav Freytag dalam pengajaran dan pembelajaran karangan naratif; dan
2. meneliti keberkesanan aplikasi struktur plot Gustav Freytag dalam penulisan karangan naratif para pelajar.

KAJIAN LEPAS

Kate Mosse (2011) dalam artikel, “*How to write fiction: Kate Mosse on the importance of plot*”, menekankan kepentingan rangka ataupun struktur dalam penulisan kreatif. Menurut beliau, struktur dalam penulisan kreatif sangat penting sebagai kerangka kukuh untuk mengetengahkan dialog, watak dan perwatakan serta latar tempat dan masa.

Hasil kajian Yasmin Azahari dan Rozana Zainuri (2018) menegaskan keperluan pendekatan berstruktur dalam PdP bagi penulisan karangan naratif. Hal ini membolehkan para pelajar mengolah jalan cerita dengan lebih mendalam. Pendekatan yang berstruktur juga dapat meningkatkan proses pemikiran para pelajar. Pelajar lebih yakin dan mampu menyampaikan idea-idea yang lebih tersusun dan kreatif.

Hujah yang serupa turut dapat ditelusuri dalam *Narrative as Rhetoric* (Phelan, 1996). Phelan membahaskan hubungan antara elemen-elemen dalam teks yang seterusnya menjalin hubungan dengan pembaca sebelum membuatkan persepsi tertentu terhadap teks. Mendasari hal tersebut, walau bagaimanapun, adalah struktur yang kukuh dan jelas. Kepentingan struktur, malah dianggap lebih penting daripada aspek bahasa yang dapat dilihat sebagai penegasan retorik penulisan. Beliau menentang pendapat dekonstruktivisme yang melihat bahasa dan struktur sebagai dua elemen yang berasingan. Sebaliknya, beliau mengetengahkan bahasa dan struktur merupakan perkara yang mendasari dan memungkinkan pengayaan bahasa dalam teks.

KAEDAH KAJIAN

Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam menjalankan kajian ini memberikan penekanan pada penilaian dan maklum balas. Berikut merupakan penerangan proses pengajaran bagi Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas bagi pengajaran penulisan karangan.



Jadual 1: Penerapan Aspek Amalan Pengajaran Singapura

| Proses Pengajaran | Aspek Pengajaran | Aktiviti Mengajar |
|----------------------------|--|--|
| Pelaksanaan Pelajaran | AP17: Memberikan penerangan yang jelas | AM2: Melakukan tunjuk cara Guru mengajarkan strategi dengan penggunaan penyusun grafik dan karangan contohan. |
| Penilaian dan Maklum Balas | AP22: Memantau Pemahaman dan Memberikan Maklum Balas | AM3: Saya Lakukan, Saya Tahu, Saya Semak Pelajar menyemak keupayaan masing-masing berdasarkan senarai semak yang jelas. |
| Penerangan dan Justifikasi | Aspek pengajaran ini digunakan untuk menggalakkan pelajar menjana dan mengatur idea bagi karangan mereka melalui penggunaan penyusun grafik. Aspek penilaian formatif menggunakan senarai semak juga membantu pelajar menambah nilai pengetahuan mereka. | |

Subjek Kajian

Pelaksanaan kajian ini melibatkan 20 orang pelajar Menengah 2. Kumpulan pelajar terdiri daripada 10 pelajar aliran Ekspres dan 10 pelajar lagi aliran Normal Akademik. Kesemua pelajar mengikuti kurikulum Bahasa Melayu aliran Ekspres. Pelajar-pelajar ini mempunyai tahap kemahiran yang pelbagai.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan strategi Gustav Freytag dalam penulisan karangan naratif. Pengumpulan data secara bertahap-tahap dilakukan berdasarkan templat, produk akhir dan maklum balas pelajar. Templat dan produk akhir pelajar merupakan karangan naratif, digunakan sebagai kayu ukur terhadap pemahaman pelajar dalam mengaplikasikan penstrukturkan plot Gustav Freytag.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan melalui tiga tahap, iaitu prapengajaran, pengajaran penstrukturkan plot Gustav Freytag dan pascapengajaran.

Prapengajaran

Sebelum sesi pengajaran diadakan, pelajar telah diminta untuk menulis sebuah karangan naratif berdasarkan apa yang telah dipelajari. Hal ini dibuat dengan tujuan mengukur dan menilai pengetahuan sedia ada pelajar. Proses ini turut mengemukakan masalah-masalah ketara dalam teks serta digunakan oleh guru dalam proses mengenal pasti kaedah yang paling efektif dalam menangani permasalahan tersebut. Berdasarkan proses tersebut, guru telah mengenal pasti bahawa para pelajar lazimnya berhadapan dengan masalah pada tahap permulaan dan pembinaan plot karangan seterusnya. Hal ini sekaligus menjelaskan klimaks yang dihasilkan para pelajar. Pengajaran yang dirangkakan daripada itu akan memberikan tumpuan terhadap proses permulaan dan pembangunan penulisan.

Sesi Pengajaran

Kajian ini dijalankan dalam masa dua waktu pengajaran Bahasa Melayu. Pelajar telah diperkenalkan kepada pendekatan penstrukturkan plot Gustav Freytag. Gustav Freytag membahagikan plot naratif kepada lima bahagian utama: pengenalan, pembangunan, konflik dan klimaks, peleraian dan penutup.

Pengajaran bermula dengan pembacaan contohan pengajaran yang berbentuk karangan naratif. Contohan tersebut memberikan garis pandu bagi pelajar dalam menghasilkan karangan naratif yang diinginkan. Walau bagaimanapun, guru memberikan penekanan terhadap bahagian pengenalan dan pembangunan, selaras dengan permasalahan yang dihadapi pelajar.

Bagi memudahkan proses penulisan, guru turut menetapkan kiraan satu perenggan bagi setiap bahagian kecuali bahagian pembangunan dan penutup yang masing-masing dibina dengan dua perenggan. Hal ini ditetapkan bagi memungkinkan perincian watak yang lebih baik bagi bahagian pembangunan dan pengajaran pada bahagian penutup.

Pascapengajaran


Setelah menjalani sesi pengajaran, pelajar dikehendaki menyelesaikan sebuah karangan naratif dengan menggunakan pendekatan penstrukturkan plot Gustav Freytag. Guru kemudiannya akan membuat penilaian dan membandingkannya dengan karangan asal yang dihasilkan pelajar.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Berasaskan pemerhatian guru, kesemua pelajar (sila rujuk rajah 1) dapat menggunakan jumlah pemerengganan yang disarankan melalui penstrukturran plot Gustav Freytag. Malah, 53% daripada pelajar didapati menggunakan lebih daripada tujuh perenggan disebabkan penggunaan dialog dalam karangan naratif mereka. Pelajar cuba mengaplikasikan struktur yang telah diajarkan dalam penulisan karangan naratif mereka.

Rajah 1: Pembahagian Perenggan




Biarpun terdapat usaha jelas dalam mengaplikasikan kaedah penstrukturran plot Gustav Freytag, tidak semua pelajar dapat meraih markah yang lebih tinggi setelah mengikuti sesi pengajaran. 35% pelajar mendapat kenaikan markah keseluruhan bagi karangan naratif mereka. Penelitian yang lebih khusus, walau bagaimanapun, mendedahkan para pelajar asal aliran Ekspres lebih berjaya dalam mengaplikasikan penstrukturran plot Gustav Freytag.

Rajah 2: Peratusan Jumlah Karangan Naratif



Rajah 3 : Perbandingan Markah Isi



Ini mungkin disebabkan beberapa faktor. Salah satu faktor utama ialah para pelajar hanya berupaya menjalani satu sesi pembelajaran kaedah penstrukturran Gustav Freytag sebelum menulis sebuah karangan yang baharu. Guru yakin bahawa mutu karya yang dihasilkan dapat ditingkatkan sekiranya terdapat ruang dan peluang untuk mengaplikasikannya.

Berdasarkan senarai semak, pelajar secara puratanya telah mencapai tahap penulisan baik bagi setiap aspek penulisan karangan naratif. Pelajar secara sedar menulis plot mereka berdasarkan struktur plot Gustav Freytag hingga dapat menghasilkan plot karangan yang lebih lengkap. Mutu konflik dan klimaks turut menjadi lebih baik, biarpun terdapat ruang untuk diperbaiki.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan struktur plot Gustav Freytag yang telah diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran karangan naratif mampu meningkatkan mutu penulisan karangan naratif para pelajar. Teknik ini membantu dalam proses pemikiran dan penstrukturkan plot para pelajar.

Pelajar berjaya memastikan bahawa karangan mereka mempunyai bahagian pengenalan, pembangunan plot yang menuju ke arah konflik dan klimaks, peleraian dan penutup serta pengajaran.

Namun demikian, pengukuhan dan pemantauan lanjut dan berterusan perlu dijalankan secara tekal agar para pelajar terbiasa sehingga menjadi rutin dalam proses penulisan karangan naratif.

RUJUKAN

- Azahari, Y., & Rozana Zainuri. (2018). Penulisan kreatif yang cemerlang. Prosiding Seminar Bahasa Melayu: Pengajaran Inovatif Pemikiran Kreatif, 574-585.
- Bell, J. S. (2004). Write great fiction: Plot & structure. Ohio: Writer's Digest Books.
- Freytag, G. (1908). Freytag's technique of the drama: An exposition of dramatic composition and art. New York: New York Public Library.
- Moss, K. (2011, Oktober 21). How to write fiction: Kate Mosse on the importance of plot. Retrieved from The guardian: <https://www.theguardian.com/books/2011/oct/21/how-to-write-fiction-kate-mosse>.
- Phelan, J. (1996). Narrative as rhetoric: Technique, audiences, ethics, ideology. Columbus: Ohio State University Press.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Printers Pte Ltd.

Yasmin Azahara dan Rozara Zainuri (2018). *Penulisan kreatif yang cemerlang dalam Pengajaran Inovatif Pemikiran Kreatif*, Seminar Bahasa Melayu 2018. Diterbitkan Oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura.

